

02/03/2003

Kakitangan JPJ juara Joran Perdana MK Land

LANGKAWI: Kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) cawangan Alor Star, Izhar Md Noor, 40, muncul juara pertandingan Joran Perdana MK Land di benteng pemecah ombak, bersebelahan Langkawi Lagoon Resort di sini, semalam.

Beliau yang menggunakan umpan sotong segar mengatasi lebih 300 peserta pertandingan itu selepas berjaya menjinakkan pari seberat 6.82kg pada jam 11.30 pagi.

Kemenangan itu membolehkan Izhar membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM3,000 serta pakej penginapan sumbangan MK Land.

Tempat kedua menjadi milik Fazin Hamid, 34, dari Kampung Bohor Tempoyak, di sini, selepas umpan ikan kembung yang digunakannya berjaya menaikkan pari seberat 3.45kg.

Beliau yang bertugas di Pelangi Beach Resort di sini, berjaya menaikkan pari berkenaan pada jam 9.20 pagi diiringi sorakan peserta yang setia menahan panas terik di atas benteng sepanjang 2.7km itu.

Bakhtiar Yaakob, 40, dari Kampung Ewa, di sini, melengkapkan pemburuan ikan spesies pari pada pertandingan itu selepas muncul pemenang ketiga dengan hasil tangkapan seberat 2.59kg.

Kesabaran Fazin dan Bakhtiar membuah hasil lumayan selepas masing-masing menerima wang tunai RM2,000 dan RM1,000, hamper serta pakej penginapan sebagai hadiah tempat kedua dan ketiga.

Hadiah kepada pemenang utama disampaikan Ketua Pegawai Operasi MK Land, K Mohanchandran. Hadir sama Pengarang Kumpulan NST, Datuk Ahmad A Talib.

Izhar yang ditemui selepas majlis penyampaian hadiah berkata, kemenangan itu tidak diduga selepas beliau baru saja tiba dari Alor Star, petang kelmarin.

"Saya memang mempunyai minat tinggi dengan pertandingan memancing dan kerap menyertainya jika diadakan sekitar negeri kawasan utara," katanya.

Sebelum itu, peserta pertandingan berkenaan yang berpusu-pusu datang sejak awal pagi dilepaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kira-kira jam 8.30 pagi.

Turut hadir, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir; Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Datuk Abu Bakar Taib dan Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.